



SIARAN MEDIA

JABATAN HAL EHWAL VETERAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM, TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA, JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL : 03-2050800

FAKS : 03-26917564

JASA DAN PENGORBANAN SERAMAI 545 VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM) DIKTIRAF MENERUSI PENGANUGERAHAN PINGAT JASA MALAYSIA (PJM) OLEH PANGLIMA MEDAN BARAT TENTERA DARAT

Terengganu, 22 Julai 2023 - Yang Berbahagia Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi Bin Tengku Ibrahim Panglima Medan Barat Tentera Darat telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan PJM kepada 545 orang Veteran ATM, balu serta wakil waris di Pusat Konvensyen Taman Tamadun Islam Kuala Terengganu, Terengganu.

Majlis penganugerahan PJM telah dikoordinasikan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM yang telah bermula pada 3 Mac 2004. Penganugerahan pingat ini merupakan pengiktirafan kepada anggota tentera di atas sifat keperwiraan, keberanian, pengorbanan dan kesetiaan mereka semasa berhadapan dengan ancaman pengganas komunis suatu ketika dahulu. Sehingga hari ini, seramai 38,559 warga Veteran ATM telah menerima PJM. Kejayaan bekas anggota tentera membanteras ancaman komunis selain memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut, telah melayakkan mereka dianugerahkan dengan PJM:

- a. Telah berkhidmat atau terlibat dalam operasi secara berterusan selama 3 bulan dan ke atas atau telah bertugas secara langsung tidak kurang dari 6 bulan di mana-mana pasukan atau formasi ATM bagi tempoh dari 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 bagi operasi menentang Parti Komunis Malaya (PKM) atau,
- b. Telah berkhidmat atau terlibat dalam operasi secara berterusan selama 3 bulan dan ke atas atau telah bertugas secara langsung tidak kurang dari 6 bulan di mana-mana pasukan atau formasi ATM bagi tempoh 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990 bagi operasi menentang Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) atau,
- c. Telah terbunuh, cedera atau menjadi kurang upaya disebabkan oleh tugas menentang pengganas Parti Komunis Malaya (PKM) bagi tempoh 1 Januari 1969 hingga 2 Disember 1989 atau pengganas Parti Komunis Kalimantan (PKKU) bagi tempoh 1 Januari 1969 hingga 17 Oktober 1990.

Panglima Medan Barat Tentera Darat mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua penerima PJM pada hari ini. Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dengan nasib dan hal ehwal Veteran ATM. Malah, aspek kesejahteraan Veteran ATM telah menjadi salah satu teras utama dalam pelan strategik kementerian ini. Sehubungan itu, JHEV ATM yang diketuai oleh YBhg Mej Jen Zambery Jefry bin Haji Darus akan meneruskan skim-skim bantuan kebajikan, perubatan, pendidikan dan perumahan sedia ada serta terus menambahbaik perkhidmatan dalam agenda memperkasakan kebajikan Veteran ATM. Teruskan usaha untuk mencari pendekatan terbaik dalam meningkatkan taraf kehidupan Veteran ATM khususnya dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu dan kos sara hidup yang meningkat. Penganugerahan ini merupakan kurniaan atas sikap keperwiraan dan pengorbanan anggota tentera dalam melaksanakan kewajipan kepada negara. Sesuai dengan tarafnya sebagai "*campaign medal*" yang berlandaskan pengorbanan dan perjuangan yang tidak berbelah bahagi semasa darurat dahulu, PJM

telah dimartabatkan sebagai pingat yang lebih kanan dalam susunannya berbanding dengan anugerah-anugerah yang sama kelas dengannya seperti Pingat Perkhidmatan Negara Bangsa-bangsa Bersatu (PNBB) dan Pingat Perkhidmatan Setia (PPS).

Pengurniaan PJM ini adalah refleksi terhadap suatu pengorbanan yang amat besar, yang diiktiraf oleh rakyat dan negara dalam menggalas tanggungjawab menjaga kedaulatan dan keselamatan negara dengan penuh taat setia. Masyarakat haruslah menghargai jasa dan pengorbanan para pahlawan negara ini sehingga negara dapat mengecapi keamanan yang dinikmati pada hari ini. Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu JHEV ATM kerana telah berjaya menganjurkan Majlis Penganugerahan PJM pada hari ini.

Turut hadir dalam Majlis Penganugerahan ini ialah YBhg Mej Jen Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV), YBhg Mejar Jeneral Dato' Pahlawan Haji Muhammad Huzaimi bin Sabri, Panglima 2 Divisyen, YAM Tengku Seri Temenggong Raja Brigedier Jeneral Dato' Seri Tengku Baharuddin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Komander 512, YBM Tengku Seri Bijaya Raja, Kol (K) Datuk Tengku Farok Hussin bin Tengku Abdul Jalil, Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, YBrS Mej Md Johari Bin Md Jusoh TUDM, Wakil Komander Pangkalan TUDM Gong Kedak, YBrS Leftenan Kolonel Mohd Zaki bin Jusoh, Pegawai Memerintah 18 RAMD Para, YBrS Leftenan Kolonel Ahmad Azahari bin Jamaluddin, Timbalan Komander 512, Wakil Majlis Veteran Kebangsaan iaitu Dato' Haji Ismail bin Haji Abidin, Presiden Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen (PVATTBM) serta wakil-wakil Persatuan Veteran ATM Terengganu.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV ATM, Kapt Mohammad Asyraf bin Mohd Ameran TUDM** ditalian **019-208 1023**, **Timbalan Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV ATM, Encik Muhammad Izzat Siraj** ditalian **017-965 3755**.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM
22 Julai 2023